



Praktis Pengukuhan

Unit 1

1. Rajah di bawah menunjukkan cerakinan suatu nombor.

$$10\,000 + 3\,000 + 500 + 8$$

- (a) Apakah nombor bagi cerakinan itu?

- (b) Tulis nombor di 1(a) dalam perkataan.

2. Rajah di bawah menunjukkan suatu pola nombor.

$$20\,880, P, 20\,970, 21\,015, 21\,060$$

- (a) Nyatakan nilai P .

- (b) Bundarkan P kepada puluh ribu yang terdekat.

3. Rajah di bawah menunjukkan sepuluh keping kad nombor. Tentukan nombor genap atau ganjil dengan melengkapkan peta pokok di bawah.


2	7	9	30	15	78	41	24	83	56
---	---	---	----	----	----	----	----	----	----

Nombor bulat

Nombor ganjil


Nombor genap

4. (a) Rajah di bawah menunjukkan gula-gula di dalam bakul *P* dan bakul *Q*.



Bilangan gula-gula di dalam bakul *P* ialah 90 biji gula-gula. Anggarkan bilangan gula-gula di dalam bakul *Q*.

- (b) Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam sebiji botol.



Anggarkan jumlah air di dalam kesemua botol dalam rajah di atas.

5. Selesaikan setiap operasi yang berikut.

(a) $28\ 149 + 34 =$	(b) $72\ 211 + 1\ 460 + 851 + 13\ 200 =$
(c) $46\ 900 - 5\ 490 =$	(d) $94\ 560 - 56\ 471 - 2\ 074 =$
(e) $38\ 943 - 7\ 200 + 28\ 448 =$	(f) $83\ 452 + 47 - 9\ 567 =$
(g) $841 \times 52 =$	(h) $98 \times 1\ 000 =$
(i) $67\ 776 \div 12 =$	(j) $100\ 000 \div 100 =$
(k) $4\ 104 \times 2 \div 8 =$	(l) $35\ 445 \div 15 \times 9 =$

6. (a) Di dalam sebuah kotak terdapat 24 185 gulung reben biru dan m gulung reben merah. Jumlah reben biru dan reben merah di dalam kotak itu ialah 52 321 gulung reben. Hitung nilai m .

- (b) Sebuah kedai kek menghasilkan 13 940 biji kek cawan. n biji kek cawan dijual pada hari pertama dan baki 4 198 biji kek cawan dijual pada hari kedua. Cari nilai n .

7. Rajah di bawah menunjukkan bilangan baju yang dihasilkan oleh tiga buah kilang dalam masa sebulan. Hasil kilang D tidak ditunjukkan.

Kilang A 3 452 helai lebih daripada kilang C	Kilang B 3 016 helai lebih daripada kilang A	Kilang C 21 763 helai	Kilang D ?
---	---	--------------------------	---------------

Jumlah bilangan baju yang dihasilkan oleh semua kilang ialah 98 720 helai.

- (a) Berapakah helai baju yang dihasilkan oleh kilang B ?

- (b) Hitung bilangan baju yang dihasilkan oleh kilang D .

8. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kemeja-T yang diderma oleh seorang dermawan kepada mangsa-mangsa gempa bumi di daerah *P* dan *Q*.

Daerah	Bilangan kemeja-T
<i>P</i>	16 750
<i>Q</i>	21 860
<i>R</i>	

Sejumlah 50 000 helai kemeja-T telah didermakan. Berapakah bilangan kemeja-T yang diperoleh daerah *R*?

9. (a) Sebuah feri boleh membawa 199 orang penumpang untuk satu perjalanan. Jika feri tersebut membuat 20 perjalanan dalam masa satu hari, hitung jumlah penumpang yang boleh dibawa.
- (b) Sebuah kotak mengandungi 75 000 batang mancis. Mancis tersebut dimasukkan ke dalam kotak-kotak kecil. Satu kotak kecil mengandungi 75 batang mancis. Berapakah bilangan kotak kecil yang diperoleh?

10. Sebuah ladang mengeluarkan 36 780 biji telur dalam enam bulan.

(a) Berapakah purata bilangan telur yang dikeluarkan dalam sebulan?

(b) Jika telur itu diagihkan kepada beberapa papan dengan setiap papan mempunyai 30 biji telur, hitung bilangan papan telur yang dikeluarkan dalam enam bulan.

11. (a) Jadual di bawah menunjukkan bilangan buku di dalam sebuah perpustakaan.

Buku	Bilangan
Bahasa Melayu	13 466
Matematik	lebih 246 buah daripada buku Bahasa Melayu
Sains	kurang 463 buah daripada buku Matematik

Cari beza antara bilangan buku Bahasa Melayu dan Sains.

(b) Ah Seng ada 3 buah album setem dengan 4 254 keping setem dalam setiap album. Dia mengagihkan semua setem itu kepada Amir dan Chandra. Bilangan setem Amir ialah 5 kali setem Chandra. Hitung bilangan setem yang diterima oleh Amir dan bilangan setem yang diterima oleh Chandra.